

20 Julai, 1981

Kit Siang: 'Baiki imej hak asasi manusia di luar dan dalam negeri...'

PULAU PINANG, Ahad
— Perdana Menteri yang baru, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, diseru memperbaiki imej negara ini mengenai hak asasi manusia sama ada di dalam atau di luar negeri.

Seruan tersebut dibuat oleh Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, ketika merasmikan konvensyen kedua DAP Pulau Pinang di sebuah hotel di sini, hari ini.

Katanya, imej Malaysia mengenai hak asasi manusia bertambah buruk berikutan dengan beberapa tindakan kerajaan yang melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam negeri ini.

"Tangkapan ke atas dua orang Ahli Parlimen DAP, Encik Chan Kok Kit dan Encik Chan Heng Kai adalah bukti bagaimana kerajaan tidak menghormati hak asasi manusia yang sebenarnya," kata beliau.

Menurut beliau, Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir, hendaklah membuktikan sebagai pemimpin yang sebenar dengan mengambil berat dan memperbaiki rekod buruk mengenai hak asasi manusia di negara ini.

Encik Lim kesal kerana pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan tidak memandang berat terhadap ucapan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Dato Haji Suhaimi bin Haji Kamaruddin mengenai ekonomi baru-baru ini.

"Saya tidak faham mengapa pemimpin-pemimpin yang mendakwa mewakili kaum China itu masih berdiam diri," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia